



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA Hujung Minggu BH Kapsul

BERITA » Nasional
Isnin, 11 March 2024 | 1:40pm



Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan. - BERNAMA

Pindaan RUU Wang Tak Dituntut dibentang

Bernama

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 dibentangkan bagi bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, hari ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, yang membentangkan RUU berkenaan berkata, bacaan kali kedua turut dijadualkan berlangsung pada sesi kali ini.

Menurut dokumen yang disiarkan di laman sesawang Parlimen, RUU itu bertujuan meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta 370) yang membabitkan fasal 1 hingga fasal 12. – BERNAMA